

DOKUMEN KONSULTASI BAGI PERATURAN - PERATURAN PEMBANGUNAN SUKAN (PELESENAN) 2018

Tempoh Konsultasi : 1 -31 Oktober 2018
Kumpulan sasaran : Syarikat Swasta dan penganjur acara.

Pejabat Pesuruhjaya Sukan (PPS) mengalu-alukan orang awam untuk memberi komen, idea dan pandangan kepada cadangan draf Peraturan Pembangunan Sukan (Perlesenan) 2018 Akta Pembangunan Sukan (Akta 576). Dokumen konsultasi adalah sebagaimana seperti dilampirkan. Sila sertakan nama dan organisasi (jika berkenaan) serta nyatakan rujukan klausa bagi setiap komen yang diberikan.

Sebarang komen, idea dan pandangan perlulah diemelkan kepada asmadi@kbs.gov.my selewat-lewatnya **31 Oktober 2018**.

PENGENALAN

Kementerian Belia dan Sukan (KBS) sedang membangunkan peraturan-peraturan pembangunan sukan yang baharu di bawah Akta Pembangunan Sukan (APS)1997. Peraturan yang dibangunkan ini bertujuan untuk melindungi semua pihak terutama yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam ekosistem sukan di Malaysia.

LATARBELAKANG

Kejayaan atlet negara dalam pelbagai acara sukan di peringkat tempatan dan antarabangsa telah menyemarakkan lagi semangat di peringkat akar umbi untuk merealisasikan Malaysia sebagai sebuah negara bersukan. Pengenalan pelbagai aktiviti sukan oleh Kementerian Belia dan Sukan (KBS) seperti program FitMalaysia, Hari Sukan Negara, Liga Sukan untuk Semua dan aktiviti sukan massa yang lain telah menarik minat pelbagai pihak termasuk swasta dalam menganjurkan acara. Perkembangan ini telah membangunkan industri sukan yang digerakkan oleh pihak swasta dan mengurangkan kebergantungan kepada kerajaan.

Walau bagaimanapun, perkembangan ini turut dicemari oleh insiden-insiden dimana kemampuan penganjur swasta tersebut diragui. Terdapat kes-kes dimana penganjuran acara yang dibatalkan pada saat-saat akhir mengakibatkan kerugian kepada peserta menerusi pungutan yuran penyertaan yang tinggi seperti *Melaka Century Ride* yang telah memungut yuran pendaftaran peserta sebanyak RM400,000. Insiden-insiden ini telah menjejaskan kepentingan awam dan imej negara di peringkat antarabangsa. Terdapat juga kes penganjur gagal membayar wang hadiah kemenangan kepada peserta luar negara yang telah menjejaskan kredibiliti negara di mata dunia. Selain itu isu kemampuan kewangan penganjur, keupayaan menguruskan risiko, keselamatan dan kesihatan peserta serta orang awam turut perlu diberi perhatian. Oleh itu, terdapat keperluan bagi memperkukuh dan menambah baik sokongan perundangan dalam Akta 576 terutamanya dalam mewujudkan peraturan pegawalseliaan dan pemantauan kepada penganjur acara swasta bagi memastikan kepentingan awam secara keseluruhan tidak digugat oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

CADANGAN PERATURAN

(PELESENAN)

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 36 dan 38 Akta Pembangunan Sukan 1997 [*Akta 576*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Akta” ertinya Akta Pembangunan Sukan 1997;

“aktiviti sukan yang dilesenkan” ertinya mana-mana aktiviti berhubungan dengan sesuatu sukan, termasuklah—

(a) penganjuran pertandingan, seminar, klinik atau kursus untuk sesuatu sukan;

(b) penghantaran peserta ke pertandingan atau acara sukan; dan

(c) apa-apa aktiviti lain yang bersampingan atau berkaitan dengan sesuatu sukan;

“aktiviti sukan antarabangsa” ertinya apa-apa acara atau aktiviti sukan yang melibatkan penyertaan peserta dari luar negara mengikut prosedur acara sukan tersebut di peringkat antarabangsa;

“aktiviti sukan tempatan” ertinya apa-apa acara atau aktiviti sukan yang hanya melibatkan penyertaan daripada warganegara Malaysia;

“borang” ertinya dokumen yang ditetapkan oleh Pesuruhjaya di dalam peraturan ini;

“lesen” ertinya lesen yang dikeluarkan di bawah peraturan 5;

“pemegang lesen” ertinya syarikat yang dilesenkan untuk terlibat dalam aktiviti sukan di bawah peraturan 5.

“pemohon” ertinya syarikat yang memohon lesen di bawah peraturan 4;

“peraturan” ertinya peraturan ini yang dibuat menurut Seksyen 36 dan 38 Akta;

“sukan” ertinya mana-mana aktiviti yang disenaraikan dalam Jadual Pertama Akta;

“syarikat” mempunyai erti yang sama seperti yang diberikan kepada ungkapan itu dalam Akta Syarikat 2016 [Akta 777] dan termasuklah “perbadanan” sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta itu;

Aktiviti Sukan untuk Dilesenkan

3. (1) Melainkan syarikat itu adalah pemegang lesen, tiada syarikat pun boleh terlibat dalam apa-apa aktiviti sukan peringkat kebangsaan dan antarabangsa bagi suatu sukan seperti berikut —

- (a) penganjuran pertandingan;
- (b) penganjuran seminar;
- (c) penganjuran klinik;
- (d) penganjuran kursus; dan
- (e) penghantaran peserta ke pertandingan atau acara sukan.

Permohonan Untuk Lesen

4. (1) Setiap permohonan untuk lesen bagi menjalankan mana-mana aktiviti sukan yang disebut dalam peraturan 3 hendaklah dikemukakan kepada Pesuruhjaya dalam tempoh selewat-lewatnya tiga puluh (30) hari bagi aktiviti sukan tempatan dan sembilan puluh (90) hari bagi aktiviti sukan antarabangsa sebelum hari kejadian dengan menggunakan Borang PL1.

(2) Jika permohonan yang dibuat di bawah **subperaturan (1) gagal dikemukakan** kepada Pesuruhjaya **dalam tempoh yang ditetapkan**, Pesuruhjaya berhak untuk enggan mengeluarkan lesen dengan menggunakan Borang PL3 sebagaimana dinyatakan di bawah peraturan 5.

(3) Permohonan yang dibuat di bawah peraturan ini hendaklah dibuat secara bertulis atau atas talian dengan melengkapkan semua maklumat dan menyertakan dokumen yang dinyatakan di dalam Borang PL1, dan apa-apa maklumat atau dokumen sebagaimana yang ditetapkan oleh Pesuruhjaya.

(4) Apabila permohonan di bawah peraturan ini diterima, Pesuruhjaya akan menghantar akuan terima sebagaimana Borang PL2 kepada pemohon.

(5) Jika permohonan yang dibuat di bawah **subperaturan (1) gagal dikemukakan** kepada Pesuruhjaya **dalam tempoh yang ditetapkan**, Pesuruhjaya berhak untuk enggan mengeluarkan lesen dengan menggunakan Borang PL3 sebagaimana dinyatakan di bawah peraturan 6.

(6) Pesuruhjaya boleh menghendaki pemohon untuk memberikan **butir-butir**, maklumat atau dokumen **lanjut atau tidak lengkap** dalam tempoh yang ditetapkan.

(7) Jika **apa-apa butiran**, maklumat atau dokumen yang dikehendaki di bawah subperaturan (5) **tidak diberikan** oleh pemohon dalam tempoh yang dinyatakan oleh Pesuruhjaya, permohonan itu hendaklah **disifatkan telah ditarik balik atau tidak lengkap** dan telah gagal mematuhi peraturan ini tanpa menjejaskan permohonan baharu yang dibuat oleh pemohon. Pesuruhjaya berhak untuk enggan mengeluarkan lesen dengan menggunakan Borang PL3 sebagaimana dinyatakan di bawah peraturan 5.

(8) Selepas mempertimbangkan permohonan di bawah peraturan ini, Pesuruhjaya boleh mengeluarkan atau enggan mengeluarkan lesen.

Pengeluaran Lesen dan Fi

5. (1) Tiap-tiap lesen yang dikeluarkan adalah sebagaimana Borang PL4.

(a) Jika Pesuruhjaya meluluskan permohonan lesen maka fi yang kena dibayar bagi pemberian sesuatu lesen adalah seperti berikut-

(i) Penganjuran acara sukan tempatan	- RM1,000.00
(ii) Penganjuran acara sukan antarabangsa	- RM2,000.00

(b) Fi boleh dibayar kepada Pesuruhjaya secara wang pos, kiriman wang atau bank draf atau kaedah-kaedah lain yang ditetapkan oleh Pesuruhjaya.

Penolakan Permohonan

6. (1) Setiap permohonan hendaklah memenuhi peraturan ini dan syarat-syarat yang ditetapkan di dalam Borang PL1. Pesuruhjaya berhak menolak sebarang permohonan yang tidak mematuhi peraturan ini dan syarat-syarat yang ditetapkan. Penolakan permohonan oleh Pesuruhjaya akan dibuat dengan menggunakan Borang PL3.

Pematuhan Syarat Yang Dikenakan Ke Atas Lesen

7. (1) Pesuruhjaya boleh mengenakan apa-apa syarat apabila mengeluarkan suatu lesen di bawah peraturan 4 dan boleh, pada bila-bila masa, meminda syarat yang dikenakan.

(2) Pemegang lesen hendaklah mematuhi syarat yang dikenakan ke atas sesuatu lesen.

(3) Pemegang lesen yang melanggar subperaturan (2) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak kurang daripada lima puluh ribu ringgit dan tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

(4) Pemegang lesen hendaklah mengemukakan laporan kepada Pesuruhjaya yang mengandungi maklumat pelaksanaan aktiviti sukan yang dilesenkan dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas pelaksanaan aktiviti sukan yang dilesenkan berakhir.

(5) Pemegang lesen hanya boleh mengiklankan pengumuman acaranya dengan memaparkan nombor lesen yang dikeluarkan oleh Pesuruhjaya.

Aktiviti Yang Dilarang Oleh Lesen

8. (1) Pemegang lesen tidak boleh—

- (a) menjalankan apa-apa aktiviti selain aktiviti yang baginya lesen itu dikeluarkan; dan/atau
- (b) menjalankan apa-apa aktiviti yang dilesenkan di dalam premis selain premis yang dinyatakan dalam lesen; dan/atau
- (c) menjalankan apa-apa aktiviti lain yang menyalahi undang-undang Malaysia dan polisi-polisi kerajaan Malaysia.

(2) Pemegang lesen yang melanggar subperaturan (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak kurang daripada lima puluh ribu ringgit dan tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Kesahan Lesen

9. Tiap-tiap lesen yang dikeluarkan di bawah peraturan 5 hendaklah sah bagi tempoh sebagaimana yang ditentukan oleh Pesuruhjaya dari tarikh pengeluaran lesen itu.

Pembatalan Lesen

10. (1) Pesuruhjaya boleh membatalkan sesuatu lesen sekiranya pemegang lesen didapati:-

- (a) melanggar atau gagal mematuhi apa-apa syarat yang dikenakan;
- (b) telah disabitkan dengan kesalahan-kesalahan di bawah Akta ini atau undang-undang bertulis yang lain;
- (c) telah digulung (*wind up*) melalui perintah mahkamah;

(d) tidak lagi mendapat sanksi menganjurkan sukan itu daripada badan pengelola;

(e) tidak lagi mendapat penajaan bagi menganjurkan acara sukan tersebut (jika ia berkenaan

(f) memberikan maklumat yang tidak benar.

(g) menggunakan lesen bagi maksud yang menyalahi undang-undang;

(h) tujuan asal yang baginya lesen itu dikeluarkan tidak lagi wujud;

(i) telah berhenti menjalankan aktiviti yang baginya lesen itu dikeluarkan;

(j) telah mencemarkan imej baik negara; atau

(k) terdapat apa-apa hal keadaan lain yang memerlukan tindakan sedemikian.

(2) Pesuruhjaya boleh mengeluarkan surat tunjuk sebab kepada pemegang lesen sebelum pembatalan lesen dilaksanakan.

(3) Pemegang lesen yang dikenakan tindakan surat tunjuk sebab hendaklah mengemukakan jawapan kepada Pesuruhjaya dalam tempoh empat belas (14) hari.

(4) Pemberitahuan keputusan Pesuruhjaya untuk membatalkan lesen sesuatu syarikat hendaklah menggunakan Borang PL5.

Rayuan Ke Atas Penolakan Atau Pembatalan Lesen

11. (1) Mana-mana pemohon atau pemegang lesen yang terkilang dengan keputusan Pesuruhjaya untuk menolak permohonan atau membatalkan lesen, bolehlah mengemukakan rayuan kepada Menteri secara bertulis dalam tempoh empat belas (14) hari daripada tarikh pemberitahuan keputusan Pesuruhjaya itu.

(a) Pemohon atau pemegang lesen hendaklah menyatakan secara jelas alasan-alasan bagi rayuan yang dibuat.

(b) Menteri boleh menerima atau enggan menerima rayuan tersebut tanpa atau dengan mendapat pandangan Pesuruhjaya dan keputusan beliau adalah muktamad.

Penyerahan Balik Lesen

12. (1) Pemegang lesen hendaklah menyerahkan balik lesen itu kepada Pesuruhjaya dalam tempoh empat belas (14) hari selepas lesen dibatalkan di bawah peraturan 11.

(a) Pemegang lesen yang gagal mematuhi subperaturan (1) telah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan, boleh didenda tidak kurang daripada lima puluh ribu ringgit dan tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali.

Salinan Terperaku Lesen

13. (1) Jika suatu lesen itu hilang, musnah atau rosak, pemegang lesen boleh membuat permohonan secara bertulis kepada Pesuruhjaya bagi suatu salinan terperaku lesen itu.

(a) Suatu permohonan di bawah subperaturan (1) hendaklah disertakan dengan suatu akuan berkanun atau laporan polis oleh pemegang lesen itu yang menyatakan

bahawa lesen yang dikeluarkan kepada pemegang lesen itu telah hilang, musnah atau rosak; dan fi sebagaimana yang ditentukan oleh Pesuruhjaya.

(b) Pesuruhjaya boleh mengeluarkan suatu salinan terperaku lesen jika Pesuruhjaya berpuas hati bahawa lesen yang asal telah hilang, musnah atau rosak.

Mempamerkan Lesen, Papan Tanda Perniagaan, dsb.

14. (1) Pemegang lesen hendaklah mempamerkan lesen, papan tanda perniagaan dan apa-apa maklumat lain yang berkaitan sebagaimana yang ditentukan oleh Pesuruhjaya di tempat yang mudah dilihat di premis sebagaimana yang dinyatakan dalam lesen.

(a) Pemegang lesen yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak kurang daripada lima puluh ribu ringgit dan tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.



PEJABAT PESURUHJAYA SUKAN MALAYSIA

**PERMOHONAN PELESENAN BAGI PENGANJURAN
PERTANDINGAN SUKAN DI MALAYSIA**

Permohonan untuk mendapatkan lesen (*Application for a license*)

Bahagian A: Maklumat Syarikat (Information of Company)

Seksyen 1: Maklumat Am Syarikat (General Information of Company)

1. Nama Syarikat: _____
(Name of Company)

2. Alamat: _____
(Address)

Poskod: _____ Bandar: _____ Negeri: _____
(Postcode) (City) (State)

3. No. Telefon: _____ 4. No. Faks: _____
(Telephone No.) (Fax. No.)
(Telephone No.) (Fax. No.)

5. No. Telefon Bimbit: _____ 6. Alamat Emel: _____
(Fax. No.) (Email Address)

7. No. Pendaftaran Syarikat: _____
(Registration No.)

Seksyen 2: Maklumat Wakil Syarikat (Information of Company's Representative)

1. Nama Wakil Syarikat : _____
(Name of Company's Representative)

2. Jawatan Wakil Syarikat : _____
(Post of Company's Representative)

3. No. Kad Pengenalan : _____
(NRIC No.)

Tandatangan : _____
(Signature)

Tarikh : _____
(Date)

Seksyen 3: Dokumen-Dokumen Yang Perlu Disertakan (Documents To Be Attached)

1. Satu Salinan Sijil Pendaftaran Syarikat (A Copy of Certified Certificate of Company's Registration)
2. Satu Salinan Memorandum dan Artikel Syarikat (A Copy of Certified Memorandum & Article of Company)
3. Borang 24 (Form 24)
- d) Borang 49 (Form 49)

Bahagian B: Maklumat Pelesenan (Information of Licensing)

Seksyen 1: Maklumat Lesen (Information of License)

Lesen yang dipohon:
(License applied)

Menganjurkan pertandingan sukan untuk sesuatu sukan peringkat tempatan atau antarabangsa;
atau
(To organize competitions for a sport at local or international level)

Seksyen 2: Maklumat Aktiviti Sukan Untuk Dilelesenkan (Information of Sporting Activity To be Licensed)

1. Nama Aktiviti : _____
(Name of Activity)
2. Peringkat Aktiviti : Antarabangsa (International)
(Level of Activity) Tempatan (Local)
3. Jenis Aktiviti : _____
(Type of Activity)
4. Tarikh Aktiviti : _____ (hh/bb/tttt (dd/mm/yyyy))
(Date of Activity)
5. Bilangan Peserta : _____ orang (person)
(Number of Participants)
6. Negara Peserta : _____
(Origin Country of Participants)
7. Nama Badan Pengelola : _____
(Name of Governing Body)

Seksyen 3: Maklumat Venue (Information of Venue)

1. Nama Venue : _____
(Name of Venue)
2. Alamat : _____

(Address of Venue) _____

Poskod : _____ Bandar : _____ Negeri : _____
(Postcode) (City) (State)

3. Nama Pemilik : _____
(Name of Owner)

Seksyen 4: Maklumat Kewangan (Information of Financial)

1. Jumlah Kos Yang Terlibat : _____
(Total Cost Incurred)

2. Sumber Pembiayaan : _____
(Source of Financing)

3. Penaja : _____
(Sponsor(s))

4. Nyatakan apa-apa implikasi kepada kerajaan berikutan penganjuran aktiviti sukan ini (jika ada).

(Please state any implication towards government due to organising this sport activity if any)

Seksyen 5: Dokumen-Dokumen Berkaitan (Relevant Documents)

1. Surat Sanksi dari badan pengelola kebangsaan/antarabangsa.

(Letter of Sanction of National/International Governing Body)

2. Nota Perlindungan insurans peserta.

(Participants Insurance Cover Note)

3. Surat Kebenaran Pemilik Venue

(Letter of Approval of Venue Owner)

4. Surat Jaminan Keselamatan Venue

(Letter of Venue Safety Guarantee)

5. Surat Pengesahan Penajaan :

(Letter of Sponsorship Endorsement)

6. Perjanjian antara syarikat dengan penaja atau badan sukan atau lain-lain pihak yang berkaitan dengan aktiviti sukan ini.

(Agreement between the company with sponsor or sport body or others relating to the said sporting activity)

Bahagian C: Pengisytiharan (Declaration)

Saya/Kami dengan ini mengaku bahawa segala maklumat yang dinyatakan di dalam Borang ini dan mana-mana lampiran adalah benar dan tepat. Saya/Kami faham bahawa apa-apa pernyataan palsu yang dibuat di dalam Borang ini dan mana-mana lampiran hendaklah menjadi suatu kesalahan di bawah Akta ini.

(I/We hereby do solemnly and sincerely declare that all information stated in this Form and any annexure(s) to be true and accurate. I/We understand that any false statement made in this Form and any annexure(s) shall be an offence under the Act.)

Tandatangan Wakil
Syarikat
(Signature of Comapany's
Representative)

Tarikh
(Date)

Nama : _____
(Name)
No. KP/No. Pasport : _____
(NRIC No./Passport No.)
Meterai Syarikat :
(Company's Seal)



BORANG PL2 (FORM PL2)

AKTA PEMBANGUNAN SUKAN 1997

(SPORTS DEVELOPMENT ACT 1997)

PERATURAN-PERATURAN PEMBANGUNAN SUKAN (PELESENAN) 2015 *(SPORTS DEVELOPMENT (LICENCING) REGULATIONS 2015)*

Peraturan 4

(Regulation 4)

Akuan penerimaan permohonan lesen

(Acknowledgement of receipt of application for licence)

.....

.....

Tuan,

(Sir),

Pesuruhjaya Sukan mengaku menerima permohonan lesen di bawah Akta Pembangunan Sukan 1997 dari

(The Sports Commissioner acknowledges receipt of the application for a licence under the Sports Development Act 1997 from)

.....

Nama syarikat (*name of company*)

yang didapati lengkap dan dalam tindakan kami/tidak lengkap dan untuk tindakan lanjut tuan/puan seperti dilampirkan.

(which is complete and under our action/incomplete and for your further action as attached)

.....

Tarikh

(Date)

.....

Pesuruhjaya Sukan

(Commissioner of Sports)



AKTA PEMBANGUNAN SUKAN 1997

(SPORTS DEVELOPMENT ACT 1997)

PERATURAN-PERATURAN PEMBANGUNAN SUKAN (PELESENAN) 2015 *(SPORTS DEVELOPMENT (LICENCING) REGULATIONS 2015)*

Peraturan 6

(Regulation 6)

Pemberitahuan penolakan permohonan lesen

(Notification of rejection for the application of licence)

.....
.....
.....
.....

Dengan ini diberitahu bahawa permohonan tuan bagi permohonan lesen di bawah seksyen 36

Akta Pembangunan Sukan 1997 untuk:

(You are hereby notified that your application for licence under section 36 of the Sports Development Act 1997 for):

.....
.....

telah ditolak.

(has been rejected)

.....

Tarikh
(Date)

.....

Pesuruhjaya Sukan
(Commissioner of Sports)



BORANG PL4 (FORM PL4)

AKTA PEMBANGUNAN SUKAN 1997

(SPORTS DEVELOPMENT ACT 1997)

PERATURAN-PERATURAN PEMBANGUNAN SUKAN (PELESENAN) 2015 *(SPORTS DEVELOPMENT (LICENCING) REGULATIONS 2015)*

Peraturan 5

(Regulation 5)

Lesen

(Licence)

No. Lesen:

(Licence No)

Lesen ini adalah diberikan kepada syarikat yang tertera untuk menjalankan aktiviti sukan seperti keterangan dibawah dan tertakluk kepada peruntukan Akta Pembangunan Sukan 1997 dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya, dan syarat-syarat yang dilampirkan bersama:

(This licence is hereby granted to the said company for organizing sporting activity as prescribed and subject to provisions of the Sports Development Act 1997 and the regulations made thereunder, and conditions attached herewith):

Nama syarikat :

(Company name)

beralamat di :

(of)

.....

.....

Jenis Aktiviti Sukan :

(Type of Sporting Activity)

Tarikh Bermula :

Tarikh Berakhir :

(Date Start)

(Date End)

Tarikh Dikeluarkan :

(Date Issued)

.....

Pesuruhjaya Sukan
(Commissioner of Sports)



AKTA PEMBANGUNAN SUKAN 1997

(SPORTS DEVELOPMENT ACT 1997)

PERATURAN-PERATURAN PEMBANGUNAN SUKAN (PELESENAN) 2015 (SPORTS DEVELOPMENT (LICENCING) REGULATIONS 2015)

Peraturan 8

(Regulation 8)

Pemberitahuan pembatalan lesen

(Notification of revocation of licence)

.....
.....
.....
.....

Dengan ini diberitahu bahawa pada menjalankan kuasa dibawah seksyen 36 Akta Pembangunan Sukan 1997, saya dengan ini membatalkan lesen seperti keterangan dibawah:

(You are hereby notified that in exercise of the powers under section 36 of the Sports Development Act 1997, I hereby revoke the licence as prescribed below)

No. Lesen :

(Licence No.)

Nama Syarikat :

(Company Name)

Alasan Pembatalan Lesen:

(The Ground(s) for Revocation of Licence)

.....
.....
.....

.....

Tarikh
(Date)

.....

Pesuruhjaya Sukan
(Commissioner of Sports)

-TAMAT

